

ISSUE #45/6 JULAI 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



DARI KUNAK KE LONDON;

Din Duin

TUKANG BATU MALAYSIA TEMPA NAMA DI UK

DIN DUNI



Dari sebuah daerah kecil di Sabah ke tapak binaan bertaraf antarabangsa di United Kingdom, kisah Muhamad Din bin Duin, 30, membuktikan bahawa bakat dalam bidang kemahiran bukan sekadar kerjaya alternatif tapi ia adalah satu kebanggaan.

Lulusan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan ini kini memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Pembangunan Bakat dan Teknikal (HOD Talent and Technical Development) di syarikat S&L Contracts LTD di London.

Tiga tahun lalu, Din memulakan langkah pertamanya di UK sebagai tukang batu (bricklayer). Hari ini, Din bukan sahaja menjadi pelatih dan jurulatih utama dalam bidangnya, malah menjadi wajah inspirasi kepada ramai belia Malaysia yang ingin menceburι bidang TVET secara serius.

"Sejak tahun 2017, saya dah tanam impian nak jadi bricklayer profesional di peringkat antarabangsa. Saya tahu saya ada kemahiran dan latar teknikal, jadi kenapa tidak teruskan?

"Bila saya lihat budaya kerja di Eropah, saya nampak satu penghormatan luar biasa terhadap pekerja mahir," katanya dalam satu sesi temubual sempena ASEAN TVET Friendly Match 2025, yang mana dirinya dilantik sebagai pakar untuk bidang Penerapan Bata.

Pingat Emas Untuk Malaysia!

Sudah menempah nama di peringkat antarabangsa, Din sebelum ini pernah menyumbang pingat emas untuk Malaysia di WorldSkills Malaysia Belia 2015 dan ASEAN Skills Competition 2017, selain mewakili negara ke WorldSkills Abu Dhabi pada tahun sama, menempatkan diri di kedudukan ke-20 dunia.

Namun, kejayaan itu tidak membuatkan Din lupa asal-usul. Bagi Din, kemahiran bukan sekadar prestasi individu, tetapi peluang untuk membina generasi baru yang lebih dihargai.

"Bila saya dah kerja di UK, saya sedar jurang persepsi antara pekerja mahir di sana dan di sini sangat besar. Di UK, tukang batu dianggap profesional. Mereka bangga dengan kerja mereka. Mereka boleh masuk kedai makan, pusat beli-belah dengan pakaian kerja dan tiada siapa pun pandang rendah.

"Tapi di Malaysia, kadang-kadang pekerja binaan sendiri rasa malu. Itu yang saya nak ubah," getusnya.



Latihan Ketat, Sikap Ketat

Di bawah Melon Training Center miliknya, Din melatih bakat muda dengan rutin ketat seawal jam 5 pagi, enam hari seminggu selama 10 jam sehari merangkumi latihan praktikal, fizikal, mental dan spiritual.

"Kalau boleh bertahan tiga bulan, Insya-Allah mereka cukup kuat untuk ke UK. Kos hantar seorang pekerja boleh cecah RM100,000, jadi kami tak nak mereka culture shock bila sampai," katanya.

Bagi Din, sikap lebih penting dari kemahiran semata-mata. Di UK, pekerja mahir mengurus sendiri kerja, masa dan tugas tanpa pengawasan.

"Kalau di Malaysia, supervisor buat kerja supervisor, tukang buat kerja tukang. Tapi kurang kemahiran menyelesaikan masalah. Di UK, semua tu digabung dalam satu peranan skill worker. Itu yang saya nak tanam dalam generasi baharu," tambahnya.


Gaji & Gaya Hidup

Walaupun gaji pekerja mahir di UK sangat lumayan, Din menegaskan bahawa aspek penghargaan dan profesionalisme jauh lebih penting.

"Di tapak binaan sana, semua orang makan bersama di kantin tidak kira anda pekerja mahir, pengurus projek atau jurutera. Kita sembang bola sama-sama. Masa kerja, masing-masing jalankan peranan. Tapi masa rehat, semua setaraf. Itu budaya kerja yang sihat.

"Saya bukan nak glamor. Saya cuma nak buktikan dari kampung kecil di Sabah, kita pun boleh sampai ke London. Dan bila kita dah sampai sana, buktikan pada dunia yang kita bukan sekadar layak tapi kita luar biasa," ujarnya.

- AMRI HASSAN



5 Pertandingan Dunia Paling Luar Biasa Yang Anda Perlu Tahu

Di pelbagai pelusuk dunia, wujud pelbagai pertandingan unik dan luar biasa yang bukan sahaja menguji kemahiran dan ketangkasan, malah mencerminkan budaya serta kreativiti masyarakat setempat.

Berikut antara lima pertandingan paling menarik dan unik dari seluruh dunia yang berjaya menarik perhatian global:

1. **Massage Championship World Tour**

Massage Championship World Tour ialah pertandingan global untuk ahli terapi urutan profesional yang akan mencapai kemuncaknya dalam kejohanan dunia di Tokyo, Jepun pada Mei 2025. Acara utama akan berlangsung di Yoyogi National Stadium Second Gymnasium dan merangkumi bengkel, pusingan awal di Jepun serta perlawanan akhir peringkat dunia yang mempertemukan peserta terbaik dari seluruh dunia.

2. **Naillympia**

Naillympia berasal daripada pertandingan Nail Olympics yang bermula di Las Vegas pada tahun 2001. Keunikannya terletak pada konsep 100% bebas produk. Kini, pertandingan Naillympia London menawarkan 14 kategori berbeza dan telah berkembang ke lokasi lain seperti Estonia, Orlando, dan Kanada. Pemenang akan mengumpul mata untuk merebut Naillympia Global Cup yang menawarkan trofi, hadiah wang tunai, serta liputan dalam majalah Scratch.

3. **Pertandingan Mencukur Bulu Biri-Biri**

Diadakan sejak 1961 di Stadium Memorial Perang, Masterton, New Zealand, pertandingan ini bertujuan mengenal pasti pencukur bulu biri-biri terpantas di dunia. Walaupun berasal dari komuniti penternak, pertandingan ini kini mendapat sambutan global dan turut diadakan secara meluas di Eropah, Australia dan Amerika Syarikat.


4. **Perlumbaan Mengejar Keju**

Di Gloucester, England, satu tradisi luar biasa dikenali sebagai Cheese Rolling diadakan setiap tahun. Dalam acara ini, peserta perlu mengejar seketul keju seberat sembilan paun yang digolek menuruni bukit curam. Perlumbaan ini memerlukan keberanian dan ketangkasan tinggi kerana risiko kecederaan akibat permukaan bukit yang tidak rata sangat tinggi. Pemenang ditentukan berdasarkan siapa yang tiba dahulu di garisan penamat bersama keju tersebut.

5. **World Barista Championship**

Kejohanan Barista Dunia (World Barista Championship, WBC) ialah acara tahunan yang menghimpunkan barista terbaik dari seluruh dunia untuk merebut gelaran Juara Barista Dunia. Dianjurkan oleh World Coffee Events, pertandingan ini bermula sejak tahun 2000 dan diadakan di bandar berbeza setiap tahun. Pemenang dari kejohanan kebangsaan layak bertanding dalam acara ini, yang paling terkini diadakan di Busan, Korea Selatan pada tahun 2024.

Konsert Masih Onz, 4U2C Dakwa Tak Salah!



Walaupun dihimpit kontroversi hak cipta, konsert We 4U2C Live In Concert tetap akan berlangsung pada 15 September di Idea Live Arena, Petaling Jaya.

Datuk AC Mizal menegaskan konsert dijalankan secara sah dengan kelulusan MACP dan tidak melanggar sebarang undang-undang. "Kami ada surat rasmi dari MACP, tak perlu dapat izin terus dari pencipta lagu," jelasnya dalam sidang media di Kuala Lumpur.

Kenyataan ini menyusul dakwaan bekas pengurus 4U2C, Man Senoi dan isterinya Mama Rap, yang mendakwa 25 lagu digunakan tanpa kebenaran. AC menyifatkan tuduhan itu tidak berasas. "Saya belum umumkan lagu apa nak nyanyi pun. Mungkin lagu Inggeris. Kenapa kecoh?" katanya.

Peguam Juzz Events, Carlos Mak menuntut permohonan maaf terbuka dalam 24 jam atau berdepan tindakan undang-undang. "Semua permit lengkap. Jika tiada permohonan maaf, kami akan ambil tindakan," tegasnya.

Ahli kumpulan Azam turut manafikan semua lagu milik Man Senoi. Katanya, 70 peratus lagu asal 4U2C adalah ciptaan sendiri. "Fiona lagu Joe, To Be Number One lagu saya. Kami ahli MACP sejak 1992."

Situasi turut panas apabila komposer Ajai menyarankan konsert dibatalkan kerana 'bunyi asal' lagu milik Man Senoi. AC membela, "Ajai kawan saya, tapi kenyataan itu macam nak tutup periuk nasi kami."

AC turut memaklumkan 70% tiket sudah terjual dan menyeru orang ramai datang berhibur tanpa prejudis. Konsert ini menyatukan tujuh anggota asal 4U2C: AC Mizal, Aren, Yanz, Rinz, Lanz, Charlie dan Azam. - UMIRAH HALIM





Ramai Mahu Damai, Isu 4U2C Perlu Rundingan Bijak

Isu hangat melibatkan hak cipta lagu konsert We 4U2C Live In Concert bukan sahaja menarik perhatian peminat, malah turut mendapat reaksi pelbagai nama besar industri muzik tanah air.

Berikut merupakan senarai selebriti dan figura industri muzik yang berkongsi pendapat mereka mengenai hal ini.



Ajai

Komposer dan anggota Exists, Ajai, menyarankan agar isu konsert 4U2C diselesaikan secara rundingan dan bertolak ansur demi kebaikan industri muzik. Menurutnya, secara teknikal konsert mungkin tidak boleh diteruskan kerana 'master' lagu dimiliki Man Senoi. Bagaimanapun, Ajai kemudian memohon maaf di media sosial jika kenyataannya sebelum ini disalah tafsir atau menyinggung mana-mana pihak, sambil menegaskan tiada niat untuk menyekat rezeki sesiapa.



Datuk M Nasir

Penyanyi dan komposer legenda ini percaya isu seumpama ini seharusnya diselesaikan secara berunding. Katanya, perbincangan adalah cara terbaik supaya tidak memudaratkan mana-mana pihak.

"Memang masing-masing ada hak, tapi kalau dibawa berbincang bukanlah perkara yang susah," katanya.




Ayob Abdul Majid

Timbalan Presiden Music Malaysia merangkap Presiden IRAMA, Ayob, menawarkan diri sebagai orang tengah dalam isu konsert 4U2C kerana pernah bekerjasama dengan kumpulan itu. Beliau yakin perbincangan harmoni masih boleh dicapai demi industri muzik. Namun, enggan memanjangkan isu, Ayob turut memohon maaf secara terbuka kepada Datuk AC Mizal, ahli 4U2C dan pengangur jika kenyataannya sebelum ini menyinggung mana-mana pihak.

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Vishal Furia
 Pelakon: Kajol, Ronit Roy,
 Indraneil Sengupta
 Genre: Seram



Pengarah: Gareth Edwards
 Pelakon: Scarlett Johansson, Mahershala Ali, Jonathan Bailey, Rupert Friend, Manuel Garcia-Rulfo
 Genre: Aksi/Pengembaraan

Sebuah hutan berhampiran kampung Chandrapur dihantui oleh seorang daitya (makhluk iblis) yang menuntut korban gadis-gadis muda. Namun, seorang ibu sanggup melakukan apa sahaja demi melindungi anak perempuannya daripada kuasa misteri itu. Dia bangkit menjadi Kali untuk menamatkan sumpahan iblis yang berakar daripada ketakutan, darah, dan pengkhianatan.

Ekologi Bumi kini tidak lagi sesuai untuk dinosaur, yang hanya bertahan di kawasan tropika terpencil. Tiga spesies gergasi di darat, laut dan udara menyimpan DNA yang mampu menghasilkan ubat penyembuh ajaib untuk manusia. Zora Bennett, pakar operasi sulit, ditugaskan mengetuai misi rahsia mendapatkan bahan genetik ini. Namun, misi itu terganggu apabila dia bertembung dengan sebuah keluarga yang terdampar selepas diserang dinosaur air. Mereka terkandas di pulau larangan bekas fasiliti Jurassic Park dan di situ, menemui rahsia mengejutkan yang telah disembunyikan selama beberapa dekad.



Pengarah: Robert Ronny
 Pelakon: Vanesha Prescilla, Bryan Domani, Rayn Wijaya, Davina Karamoy
 Genre: Drama/Romantik

K amat menyayangi Cream dan sedia tahu bahawa ketakutan utamanya adalah ditinggalkan sendirian. Menyedari dia tidak mampu menjadi insan seperti yang diharapkan Cream, K mendesak Cream untuk berkahwin dengan seorang lelaki yang baik dengan mengatur calon-calon sesuai buatnya. Ketika penyakit barah perlahan-lahan memakan diri, K sedar Cream akan hidup sedih bersendirian jika usahanya gagal.

Nadeera, Amir Masdi, DOLLA Kuasai Carta!

Carta mingguan GMW menyaksikan DOLLA mendahului carta dengan lagu MWA! dalam kategori video muzik trending, diikuti Khai Bahar (Kerana Ego), Black Hanifah (Hijab Rindu), KRU (One More Time) dan Amira Othman (Dalam Sujudku).


Drama bersiri Dia Bukan Syurga kekal sebagai pilihan utama penonton, dengan Honey Minta Maaf, Calon Isteri Buat Suami, Bukan Sekadar Lafaz 2 dan Bukan Ipar Sempurna turut mencuri hati penonton.

Sementara itu, Nadeera muncul paling trending minggu ini, diikuti Amira Othman, Ezzanie Jasny, Shukri Yahaya dan Niezam Zaidi. Lagu Nurcinta oleh Amir Masdi menakluk carta lagu trending, mengatasi Seribu Tahun Lagi (Imran Ajmain), Bila Nak Kahwin? (Amira Othman), Rahsia Tuhan (Noh Salleh) dan lowkey (lucidrari ft. Heil Nuan).

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. MWA! - DOLLA
2. Kerana Ego - Khai Bahar
3. Hijab Rindu - Black Hanifah
4. One More Time - KRU
5. Dalam Sujudku - Amira Othman

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)


1. Hakim Nanyan
2. Hanif Loid
3. Padil
4. Aqil Farhan
5. Stormie

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Norrisham
2. Jason
3. Cik Dayang
4. Sofiaa Marieylla
5. Jiel Nasir

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Achik Mael
2. Zuly Ali
3. The Pretty Mamas
4. Husin
5. Adam Bakery





Di Sebalik Reda, Bila Cinta Terpaksa Mengalah Demi Keluarga

Di Sebalik Reda mengisahkan pengorbanan menyentuh hati seorang adik, Darlina, yang sanggup meletakkan impian dan cintanya ke tepi demi menjaga kakaknya, Damia, seorang OKU.

Ujian demi ujian membentuk ketabahan Darlina, namun sejauh mana kekuatannya mampu bertahan? Adakah dia akan terus reda dengan takdirnya, atau takdir itu sendiri akan membuka jalan baharu untuk bahagia?

Drama bersiri 30 episod ini telah mula bersiaran mulai 30 Jun 2025, setiap Isnin hingga Jumaat jam 6 petang di Astro Prima, Astro GO dan Sooka.

Diterbitkan oleh SR One Sdn Bhd dan diarahkan oleh Fairuz Loy, karya ini menampilkan Siti Khadijah Halim (Darlina), Adam Lee (Taufiq), Shazia Rozaini (Damia), Sahronizam Noor, Aleza Shadan, Marc Syahmie, dan ramai lagi.



Sooka Genap 4 Tahun!

Sooka, platform penstriman tempatan yang semakin popular, menyambut ulang tahun ke-4 dengan pelbagai pembaharuan termasuk aplikasi 2x lebih pantas, sooka TV Stick dengan kandungan sukan 4K UHD, serta ciri baru seperti chatbot AI dan Panduan Program Elektronik.

Mencatat pertumbuhan 100% pelanggan berbayar dan menjadi aplikasi sukan No.1 di Malaysia, sooka turut menawarkan ganjaran hebat sehingga 31 Julai 2025 seperti akses percuma 10 hari, cabutan harian hadiah, dan promosi pas tahunan.

Dengan komitmen tinggi terhadap kandungan sukan dan hiburan Asia, sooka terus mengukuhkan kedudukannya sebagai platform OTT paling pantas berkembang di Malaysia.

Untuk info lanjut dan tawaran istimewa, layari sooka.my.



Wali Band Buat Penonton 'Goyang' Sampai Hujung Konsert Jiwa Kacau 2025

Hampir 13,000 penonton membanjiri Stadium Hoki Bukit Jalil pada malam Sabtu lalu sempena konsert Jiwa Kacau 2025 yang menyaksikan persembahan penuh bertenaga daripada barisan penyanyi ternama dari Malaysia dan Indonesia.

Antara momen paling mencuri tumpuan sudah tentu ketika kumpulan Wali dari Indonesia mengambil alih pentas dan menyajikan persembahan 'roller coaster' dengan lagu-lagu rancak seperti Yank, Cari Jodoh dan Aku Bukan Bang Toyib.

Antara kejutan lain malam itu ialah penampilan pelakon popular, Fattah Amin yang muncul di atas pentas untuk mengumumkan dirinya sudah 'bertunang', bukan dengan orang, tetapi dengan jenama air minuman baharu, NEX.

Konsert yang berlangsung selama hampir lima jam itu menyaksikan persembahan padu daripada enam barisan artis. Dimulakan dengan The Lantis dengan lagu-lagu seperti Lampu Merah disusuli Hujan yang seperti biasa tidak mengecewakan dengan Aku Skandal dan Bila Aku Sudah Tiada.

Spider turut menghangatkan pentas dengan lagu-lagu klasik seperti Nazraku, Ngam Ho dan Aladin sementara Kerispatih mengundang sebak dengan tembang cinta Tapi Bukan Aku dan Demi Cinta.

Bunkface pula bukan sahaja menghiburkan dengan Malam Ini Kita Punya dan Revolusi, malah memilih seorang penonton naik ke pentas untuk menyanyi bersama.

"Tak Tertampung Energi Luar Biasa Penonton"

Konsert ATM Rampas Kuala Lumpur membuktikan kehebatan Akim & The Majistret apabila lebih 5,000 peminat membanjiri Mega Star Arena @ Sungei Wang Plaza untuk menyaksikan persembahan bertenaga mereka yang berlangsung hampir dua jam tanpa henti.

Konsert dibahagikan kepada empat segmen dan menampilkan lagu-lagu hit seperti Terlalu Mudah, Gasoline, Lagu Untuk Laila, Mewangi, Obses dan Potret, sebelum diakhiri dengan lagu ikonik mereka Rampas.

Akim bersama barisan pemuzik hebatnya, Zimi, Freddy, Safwan, Gjie, Afiez dan Fairuz tampil penuh gaya dan berjaya menghidupkan pentas dengan sorakan luar biasa penonton.

"Energi penonton luar biasa, saya sendiri tak tertampung," kata Akim yang turut berterima kasih kepada isterinya Stacy.

Konsert anjuran Showtag Entertainment dan Juragan ini turut ditaja jenama seperti DRUM, Pop Meals, Monster, Era, Sinar dan Gegar.

Menurut pengajur, sambutan luar biasa ini beri semangat untuk terus angkat band tempatan.

"Kami nak terus push band Malaysia ke depan," ujar mereka.

- AMRI HASSAN





Amin Abid

@aminxabid



DIY Bukan Sekadar Kreatif! Amin Abid Kongsi Cabaran Sebenar Jadi Content Creator

Nampak mudah tapi realitinya penuh cabaran! Itu yang dikongsikan oleh pasangan pempengaruh kembar, Amin Othman dan Abid Othman yang cukup dikenali dengan content kreatif mereka berdasarkan projek DIY (Do It Yourself).

Menurut mereka, perjalanan menghasilkan kandungan DIY bukan sahaja memerlukan kreativiti, malah menuntut kesabaran, kerjasama dan kos yang agak tinggi bergantung projek yang ingin dibuat.

"Cabaran untuk kami buat DIY sepanjang kami bergelar content creator adalah mempunyai pandangan yang berbeza tapi kami tetap akan berbincang sehingga kami mempunyai kata sepakat. Seterusnya adalah modal, untuk buat barang-barang DIY kita perlukan simpanan untuk jadikan content itu realiti. Sebelum mula project kami akan tengok dulu simpanan kami okay atau pun tidak, jika okay baru kami teruskan.

"Tapi kalau tak cukup kami akan move ke DIY yang tak berapa mahal tapi masih boleh tarik penonton untuk lihat content kami. Contoh carseat kucing yang hanya menelan belanja RM50 projek paling besar kami pernah buat menelan kos sehingga RM50,000 iaitu Muzium coklat," kata mereka.

Tambah mereka lagi, selain perbezaan idea dan kos, tenaga kerja juga antara halangan utama yang sering dilalui dalam menghasilkan kandungan berkualiti.

"Yang ketiga, paling ramai orang tak sanggup adalah ialah tenaga kerja yang sebab buat satu content DIY ini kadang-kadang boleh cecah masa sehingga enam bulan, jadi kita perlukan tenaga kerja yang kuat. Kami pernah buat Muzium Coklat dan kena kejar due date sebelum launch dan masa tempoh pembuatan itu kami ada talk jadi jadual sangat penuh kami sampai tak tidur semata-mata nak siapkan projek itu


"Tapi kami ayah kami banyak juga tolong part-part kerja berat contohnya welding besi, tebuk dinding dan potong potong kayu dan kami boleh fokus untuk design serta kerja-kerja lain walaupun penat kami tetap teruskan sehingga siap semuanya," kongsi Amin Abid.

Dalam pada itu, Amin Abid juga menasihati mereka yang mahu melakukan content DIY untuk tidak mengalah jika buntu untuk meneruskan projek tersebut.

"Untuk buat DIY kena ambil masa, kalau rasa dah tak ada mood dah penat anda kena berehat pergi healing, enjoy kehidupan sehari-hari. Bila dah dapat mood tu balik baru sambung apa yang anda buat."

"Apa yang kami belajar dekat sini adalah kalau penat jangan berhenti tapi berehat," nasihat mereka kepada pembaca.





SST 2025: What You Need To Know

Starting 1 July 2025, Malaysia's Sales and Service Tax (SST) has increased from 6% to 8%, impacting various services such as digital platforms (Netflix, Spotify), consultancy, legal and accounting services, car repairs, food delivery, hotels, and event management. Some items now carry SST rates of 5% or 10%, depending on their category.

However, essentials like groceries, public transport, healthcare, and education remain exempt.

The government says the move aims to boost national revenue without heavily burdening lower-income groups. The hike is expected to affect everyday expenses, especially for users of digital subscriptions and service-based offerings.




3KM A Day For Her Family

A hardworking Malaysian woman has touched hearts online for walking over 3km daily to work as a personal shopper in order to support her family.

Despite the scorching heat and long journey on foot, she remains committed to her job, collecting and delivering groceries for customers.

Her dedication has earned admiration from netizens, many of whom praised her resilience and sense of responsibility.



Tired Driver, Kind Passenger

A kind Malaysian e-hailing passenger is earning praise online after offering to drive when the driver admitted he was too exhausted to continue.

The driver, who had been working long hours without rest, expressed concern for safety, prompting the passenger to step in and help.

The thoughtful gesture has been widely lauded as an act of compassion, with netizens calling it a small but powerful example of empathy and humanity.

Read more at www.rojakdaily.com